

23 MAR 1998

Mahathir-Teknologi

MAHATHIR GESA PELABUR BERFIKIRAN TERBUKA MENGENAI TEKNOLOGI BARU

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata para pelabur perlu mempunyai fikiran terbuka dan memahami nilai-nilai teknologi baru yang dihasilkan.

Katanya walaupun pelabur terpaksa berjimat-cermat untuk membelanjakan wang mereka dalam setiap pelaburan, mereka perlu menyedari faedah besar yang akan diperolehi daripada teknologi-teknologi seperti harta intelektual.

Berucap merasmikan Kompleks Bestari IRIS di Taman Teknolog Malaysia di sini, beliau berkata "sekiranya pelabur tidak mengambil daya usaha untuk memahami teknologi berkenaan, tidak mungkin mereka akan melabur".

"Dan sekiranya mereka tidak melabur, bukan sahaja mereka akan ketinggalan tetapi negara akan terlepas peluang untuk menambah kekayaan, menambah pekerjaan yang menguntungkan, mendidik masyarakat dan meneruskan usaha membuat teknologi susulan yang menguntungkan dan produk-produk yang setanding dengannya."

Dr Mahathir berkata para pelabur yang potensi perlu menyedari bahawa rakyat Malaysia mampu melakukan pembaharuan, mencipta, merekabentuk, mengilang dan menunaikan janji mereka.

Beliau berkata kemahiran dan buah fikiran yang dimiliki oleh penduduk tempatan tidak seharusnya diketepikan disebabkan mewarisi sikap rendah diri yang menolak semua yang berbentuk tempatan.

"Sejak sekian lama kita telah mengenenipkan penduduk asal yang berbakat di kalangan kita kerana kita percaya hanya orang asing adalah lebih bagus. Tetapi saya yakin kebolehan kebijaksanaan tidak hanya terhad mengikut rantau.

"Rakyat Malaysia juga mempunyai kebolehan untuk merekabentuk, mencipta, membangun dan mengguna teknologi dan barangan yang boleh digunakan di dalam dan di luar negara," katanya.

Bagi membuktikannya, Dr Mahathir berkata beberapa kejayaan telah dicapai oleh rakyat Malaysia apabila teknologi dan barangan keluaran Malaysia telah memasuki pasaran antarabangsa.

Sambil berkata beliau bangga dengan pencapaian tersebut, Dr Mahathir menarik perhatian bahawa beliau telah berada di dalam sebuah kompleks teknologi pintar yang pertama di Malaysia yang dirancang, dibina dan pekerjaannya terdiri daripada rakyat Malaysia yang menghasilkan produk abad ke-21 berdasarkan teknologi yang dicipta dan dimiliki oleh rakyat Malaysia.

Beliau memuji IRIS Technologies Sdn Bhd kerana menghasilkan teknologi yang boleh diguna untuk pelbagai aplikasi global.

Perdana Menteri sebelum itu melancarkan pasport baru Malaysia, pasport pintar pertama di dunia yang mempunyai cip identiti pemegangnya.

"Pada masa sekarang, keselamatan adalah paling utama dan cara-cara baru adalah perlu untuk memerangi penipuan dan keganasan," katanya. -- BERNAMA  
AZZ oba